



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar,
79503 Iskandar Puteri, Johor

Telefon: 07-266 6116/07-290 8222 **Faks:** 07-290 8111/07-290 9888

Website: www.johor.gov.my/sukj **Email:** sukjkorporat@johor.gov.my



ستياوسها كراجان جوهر
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

*Sila nyatakan rujukan bilangan kami
apabila menjawab.*

Rujukan Kami : SUKJ.BKP.100-1/7/1 Jld. 2 ()

Tarikh : 27 September 2018

Semua Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

Semua Pegawai Daerah

Semua Badan-Badan Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor

Yang Berhormat Dato' / YBhg. Datuk / YBM Tunku / Tuan / Puan,

PEKELILING AM KERAJAAN NEGERI JOHOR BIL. 5 TAHUN 2018
PAKAIAN SERAGAM DAN CARA BERPAKAIAN BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM
JOHOR

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor pada mesyuaratnya bertarikh 5 September 2018 sebagaimana Ringkasan Mesyuarat Bil. 1185/2018 bersetuju **Pakaian Seragam dan Cara Berpakaian bagi Anggota Perkhidmatan Awam Johor** adalah sebagaimana 'Lampiran A'.

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor juga **bersetuju** Pekeliling Pindaan Hari Pemakaian Batik Malaysia melalui surat Bil. (15) dalam SUKJ 99/7 bertarikh 20 Disember 2013 adalah dibatalkan.

4. Sehubungan itu, dipohon kerjasama Yang Berhormat Dato' / YBhg. Datuk / YBM Tunku / Tuan / Puan dapat mengambil tindakan di atas pelaksanaan tersebut.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

(DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI)

Setiausaha Kerajaan Johor

**PEKELILING PAKAIAN SERAGAM DAN CARA BERPAKAIAN BAGI ANGGOTA
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI JOHOR**

1. ATURAN PAKAIAN BAGI PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR

- 1.1. Berikut adalah pakaian bagi Penjawat Awam Negeri Johor untuk tempoh lima (5) hari bekerja:

HARI	PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN WANITA
Ahad	Baju Korporat	Baju Korporat / Baju Kurung Johor dan bertudung
Isnin	Pakaian Pejabat	Baju Kurung Johor dan bertudung
Selasa	Pakaian Pejabat	Baju Kurung Johor dan bertudung
Rabu	Pakaian Pejabat	Baju Kurung Johor dan bertudung
Khamis	Baju Melayu Teluk Belanga (Sepersalinan), Bersamping Berdagang Luar, Bersongkok dan Bersepatu	Baju Kurung Johor dan Bertudung

- 1.2. Etika Pakaian Baju Korporat hendaklah seragam dengan kedudukan Jata Johor berada di bahagian utama kiri baju korporat. Turut diberi keutamaan adalah logo jabatan atau logo-logo kedua berada di bahagian utama kanan baju korporat.
- 1.3. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memanjangkan keputusan ini kepada semua anggota di bawah seliaannya serta memastikan supaya arahan ini dipatuhi sewajarnya.

2. PENGECUALIAN

- 2.1. Aturan pakaian ini tidak terpakai kepada pegawai awam yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau yang menghadiri istiadat atau majlis rasmi yang telah menetapkan pemakaian mengikut jenisnya.
- 2.2. Pengecualian juga diberi kepada pegawai awam yang sedang menerima rawatan atau telah diberi nasihat doktor perubatan kerajaan berhubung pakaian yang sesuai untuk ke tempat bertugas.

3. TARIKH KUATKUASA

- 3.1. Pekeliling Pakaian Seragam dan Cara Berpakaian Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Johor akan berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

4. PEMAKAIAN PEKELILING

- 4.1. Peruntukan Pekeliling ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Johor, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI)
Setiausaha Kerajaan Johor

Tarikh : **27** September 2018